



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/11/75 (HQ)

TNB MENYINARI KEHIDUPAN DI MONFORT BOYS TOWN

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyumbang solar panel photovoltaic (PV) di Montfort Boys Town bagi membantu institusi berkenaan menjana sendiri tenaga elektrik dan mendapat pulangan jangka panjang bagi membiayai sebahagian operasinya.

Projek yang mendukung usaha meningkatkan penjanaan sumber tenaga boleh baharu (RE) ini, menggunakan kuota komuniti di bawah Skim Galakan Tarif (FiT) yang dikawal selia Pusat Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA). Ia membolehkan Monfort Boys Town menjual lebihan penjanaan elektrik solarnya kepada grid nasional TNB.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, ketika merasmikan sistem solar itu minggu lalu berkata, penajaan projek tersebut adalah sebahagian usaha berterusan TNB bagi menggalakkan pembangunan modal insan, lebih-lebih lagi melibatkan golongan kurang berasib baik seperti di Montfort.

“Projek PV solar ini mencerminkan komitmen TNB ke arah memenuhi peranannya sebagai warganegara korporat yang prihatin. Ini adalah sebahagian daripada Tanggungjawab Korporat TNB dan lebih penting lagi, projek ini adalah bukti sokongan kami terhadap usaha kerajaan untuk meningkatkan peranan RE,” ujarnya.

Pengerusi Board of Governors, Montfort Boys Town, Ir. Dr. Philip Tan Chee Lin dalam ucapannya pula berkata melalui tajaan TNB itu, Montfort Boys Town dianggarkan memperolehi pendapatan RM43,000 setahun untuk meringankan beban menguruskan institusi itu.

Montfort Boys Town adalah sebuah institusi pendidikan holistik membantu belia kurang berasib baik dalam persekitaran pembelajaran yang positif dan kondusif.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 November 2018, jam 5.30 petang

*Sebarang pertanyaan media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*